

Menarik tentang Tun Fatimah

u m m s s 2 / 8 / 0 9

- Fatimah memulakan kerjaya politiknya dengan menyertai UMNO pada tahun 1947, ketika berusia 21 tahun.
- Beliau menganggotai Pergerakan Kaum Ibu (UMNO) Cawangan Kampung Nong Chik, Johor Bahru, dan memegang jawatan Bendahari, serta kemudiannya Setiausaha Kaum Ibu Cawangan Johor Bahru.
- Pada tahun 1956, setelah mengikut suaminya yang bertugas dalam perkhidmatan kerajaan ke Perak, Tun Fatimah telah dipilih menjadi Ketua Pergerakan Kaum Ibu Negeri Perak dan dalam masa yang sama, memegang jawatan Ketua Bahagian Ipoh.
- Pada 1956 juga, beliau telah dilantik Ketua Pergerakan Kaum Ibu Malaya, menggantikan tempat Khadijah Sidek. Sebagai Ketua Pergerakan Kaum Ibu UMNO, beliau secara automatik menjadi Naib Yang Dipertua UMNO Malaysia dan menduduki kerusi di Jawatankuasa Majlis Kerja Tertinggi UMNO, Ahli Jawatankuasa Kewangan UMNO dan Ahli Jawatankuasa Politik. Semasa memimpin Pergerakan Kaum Ibu UMNO, beliau berjaya membawa wanita-wanita muda melibatkan diri dalam bidang politik dan sekaligus menyertai UMNO.
- Pada tahun 1959, Fatimah sekali lagi berpindah mengikut suaminya ke Kedah. Di sana, pada

- tahun yang sama, beliau telah dipilih menjadi calon pilihan raya bagi kawasan Jitra-Padang Terap. Kemenangannya pada tahun itu diulangi sebanyak dua kali lagi menjadikan beliau ahli Parlimen bagi kawasan tersebut tiga kali berturut-turut.
- Pada 20 Mei 1969, Fatimah dilantik menjadi Menteri Kebajikan Am, wanita pertama menjawat jawatan menteri. Beliau memegang jawatan tersebut selama empat tahun sehingga bersara pada bulan Februari 1973. Sebagai Menteri Kebajikan Am, beliau membuat banyak lawatan ke negara-negara berjiran.
- Selaku pemimpin wanita Melayu pertama menjadi Menteri, Fatimah sering kali diundang memberi ucapan dan ceramah dalam seminar-seminar, forum dan persidangan-persidangan yang dianjurkan oleh pelbagai pertubuhan, baik di dalam negara mahupun di luar. Antara mesyuarat dan persidangan yang pernah dihidirinya ialah Perjumpaan Wanita Antarabangsa di Tehran pada tahun 1965.
- Selain daripada bidang politik, Tun Fatimah juga aktif dalam pergerakan sosial, terutamanya dalam pertubuhan wanita.
- Tun Fatimah telah menerajui NCWO selama 24 tahun sehingga bersara daripada jawatan pada tahun 1989.

Fatimah juga pernah menjadi:

- Ahli Majlis Universiti Malaya
- Ahli Jawatankuasa Hospital Assunta
- Ahli Jawatankuasa Sekolah Latihan Wanita Ipoh
- Ahli Jawatankuasa Perikatan Peringkat Malaya
- Ahli Jawatankuasa Majlis Pepaduan Kebangsaan Malaysia
- Naib Presiden Persatuan Bulan Sabit Merah.
- Pada tahun 1995, Universiti Teknologi Malaysia melantik beliau sebagai Pro-canselor.



FATIMAH bersama buku mengenai dirinya bertajuk *Tan Sri Fatimah Potret Seorang Pemimpin* dilancarkan pada 2003.